



WANITA KEDUA PALING BERPENGARUH DALAM BIDANG KEWANGAN ISLAM



9 Mei 2019 - Profesor Dr. Normah Omar, Pengarah *Accounting Research Institute*, Universiti Teknologi MARA, telah dinobatkan sebagai salah seorang wanita paling berpengaruh dalam bidang Kewangan Islam. Penganugerahan ini telah diberikan oleh *Cambridge International Finance Advisory*, sebuah organisasi perkhidmatan kewangan yang berpusat di United Kingdom, iaitu sebuah organisasi yang menyediakan khidmat nasihat strategik kepada badan kerajaan, institusi kewangan dan organisasi dua hala dalam memajukan pasaran kewangan.

Penganugerahan ini telah disampaikan dalam majlis perasmian *2nd WOMANi Gala Dinner and Awards Ceremony*, di JW Marriott Marquis Hotel Dubai pada 17 Jun, 2019. Profesor Dr. Normah Omar telah disenaraikan di tempat kedua, selepas Datuk Noripah Kamso, Pengerusi Bank Rakyat. Anugerah ini sekali gus mengiktiraf sumbangan dan kesungguhan Profesor Dr. Normah dalam usaha beliau memajukan kajian perlakuan jenayah dalam bidang Kewangan Islam atau *Islamic Financial Criminology*.

Profesor Dr. Normah Omar merupakan penyelidik perintis dalam bidang *Islamic Financial Criminology*. Sumbangan dan usaha beliau telah berjaya membantu mencapai aspirasi Malaysia sebagai hab kewangan Islam. Di bawah pimpinan beliau juga, *Accounting Research Institute* telah diberikan status *HICoE* atau *Higher Institution Centre of Excellence* oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia sejak tahun 2010 dan institut ini secara berterusan telah meletakkan penyelidikan dalam bidang Kewangan Islam sebagai fokus utamanya.

Turut hadir sama ialah ahli-ahli profesional dalam bidang kewangan dan kewangan Islam dari Malaysia dan serata dunia iaitu Amerika Syarikat, Eropah, Indonesia dan Pakistan termasuk ahli-ahli dari *Gulf Cooperation Council (GCC)*.



Sidang REDAKSI

Penaung

Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim

Penasihat

Alfina Bakar

Ketua Editor

Mohammad Syazwan Mohd

Editor

Aida Ahmad Saipuddin

Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik

Junaidy Talib

Penulis Berita

Nor Amirah Md Amran (Pelajar Praktikal)

Nashrah Nazila Ahmad (Pelajar Praktikal)

Jurufoto

Roslan Daud

Shamsul Hidayat Omar

Shazana Shabuddin

Shahida Nordin

Edaran

Asura Rahman



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor

